

B613

NEGARA - MAHATHIR

1982

KUALA LUMPUR, 23 MAC (BERNAMA) -- PENYERAPAN DAN PERTUKARAN ASPEK-ASPEK TEKNOLOGI TINGGI DALAM BIDANG INDUSTRI BERAT SECARA SISTEMATIK ANTARA MALAYSIA DENGAN NEGERI JEPUN DAN KOREA SELATAN SEDANG DI USAHAKAN KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR HARI INI.

PROSES ITU DIBUAT MELALUI BEBERAPA PROJEK PEMBANGUNAN SAMA-ADA OLEH PIHAK KERAJAAN SENDIRI ATAU SEKTOR SUWASTA, KATA PERDANA MENTERI SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN LISAN SENATOR DATUK CHOO CHING HWA DI DEWAN NEGARA.

DI SAMPING ITU KATANYA SEBAGAI LANGKAH POSITIF KERAJAAN SEDANG MERANCANG UNTUK MENGHANTAR PENUNTUT-PENUNTUT MENGIKUTI LATIHAN KEMAHIRAN DALAM BIDANG-BIDANG TEKNIKAL DAN PENGURUSAN TERTENTU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TERTARIK MENCONTOHI NEGERI JEPUN DAN KOREA SELATAN DALAM BEBERAPA ASPEK.

DARI JEPUN MALAYSIA INGIN MENCONTOHI SIFAT-SIFAT PENDEKATAN TEKNIKAL DAN SAINTIFIK DALAM BIDANG PELAJARAN DAN TEKNOLOGI, ETIKA BEKERJA SERTA PEMBANGUNAN INDUSTRI BERAT DAN SEPARUH BERAT. -- BERSAMBUNG 1630/PA

5511
NEGARA-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+DARI KOREA SELATAN PULA, KITA TERTARIK DENGAN TEKNOLOGI PEMBINAAN DAN PENYUSUNAN SEMULA SISTEM PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI-INDUSTRI KECIL,+ KATA PERDANA MENTERI.

MENURUT BELIAU SELAMA INI MALAYSIA TERLALU BERGANTUNG KEPADA PEMINDAHAN TEKNOLOGI DARI BARAT.

DENGAN PENGIRIMAN BERIBU-RIBU PELAJAR MENUNTUT ILMU DI NEGARA-NEGARA ITU MEREKA TERDEDIAH DENGAN BERBAGAI-BAGAI PENGARUH DAN NILAI-NILAI KEBUDAYAAN BARAT, KATANYA.

+UNTUK MENGIMBANGKAN KEADAAN, SAYA FIKIR ELOK JUGA KITA MENOLEH KE TIMUR KERANA KEMAJUAN TEKNOLOGI DI NEGARA-NEGARA SEPERTI JEPUN DAN KOREA SELATAN TIDAK KURANG TINGGINYA,+ TAMBAH BELIAU.

KATANYA BELIAU SANGAT TERTARIK HATI DENGAN PENDEKATAN ORANG-ORANG JEPUN DAN KOREA SELATAN KEPADA PEKERJAAN. -- BERSAMBUNG 1643/

B620

NEGARA-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA ORANG-ORANG JEPUN KHASNYA MEMPUNYAI ETIKA BEKERJA YANG BERLANDASKAN NILAI-NILAI TINGGI TERHADAP SESUATU PEKERJAAN SEPERTI SEMANGAT BERKERJA MEREKA YANG BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN PENUH PENGHAYATAN.

+INI MENGELUARKAN HASIL KERJA ATAU DAYA PENGELUARAN YANG TINGGI DAN MENGUNTUNGAN NEGARA,+ TAMBAHNYA.

BELIAU BERHARAP DENGAN MENCONTOHI CARA BEKERJA ORANG-ORANG JEPUN DAN KOREA SELATAN SAMBIL MENYERAPKAN TEKNOLOGI DARI KEDUA-DUA NEGARA TERSEBUT, MALAYSIA DAPAT MAJU DALAM PEMBANGUNAN TEKNOLOGI DISAMPING MENGEKALKAN SIFAT DAN NILAI-NILAINYA SENDIRI YANG SEDIA ADA. -- BERNAMA 1645/SZ